

Headline	Jualan Q'Fish di lebih 100 premis perniagaan LKIM		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	12 Jun 2017	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	6	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 258
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 774



Jualan Q'Fish di lebih 100 premis perniagaan: LKIM

KUANTA: Jualan ikan segar sejuk beku Q'Fish yang dibekalkan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) telah memasuki lebih 100 pusat jualan di seluruh negara.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) M Saedon Ab Majid berkata Q'Fish merupakan penjenamaan semula menggantikan Program Ikan Rakyat LKIM yang diperkenalkan pada tahun 2013.

"Setakat ini, sebanyak 118 lokasi jualan Q'Fish di seluruh negara dengan sebahagian besarnya melibatkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), D'MART.

"Secara tidak langsung Q'Fish ini dapat memberi pilihan kepada rakyat bagi memperoleh ikan segar pada harga yang berpatutan," katanya semasa ditemui pada majlis pelancaran jualan promosi Q'Fish di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTG) Pahang di sini, kelmarin.

Majlis disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas

Tani Datuk Shafik Fauzan Sharif dan turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

M Saedon menambah berdasarkan stok Nekmat, dianggarkan lebih 50 tan ikan segar Q'Fish dalam simpanan untuk diagihkan ke seluruh negara, dan jumlah itu sentiasa ditambah dari semasa ke semasa.

Beliau menambah sehingga kini, Q'Fish meliputi lapan jenis ikan iaitu kembung, pelaling, selar, keli, selayang, tilapia, aya dan cencaru.

Sementara itu, Shafik Fauzan berkata pelaksanaan Q'Fish itu merupakan satu inisiatif kerajaan yang boleh meringankan sedikit kos sara hidup selain membantu mengimbangi harga ikan daripada naik terlalu mendadak.

"Ikan sejuk beku ini juga memberi pilihan kepada masyarakat untuk mendapatkan bekalan ikan segar yang dibekukan menggunakan teknologi tinggi tanpa menggunakan bahan pengawet," katanya. -Bernama